

EKONOMI UTUSAN

Kempen tambah hasil getah

Tujuan pengeluaran

dinamis RISDA

PADA 13 Oktober depan Menteri Kemajuan Tanah dan Wilayah, Tan Sri Kadir Yusoff akan melancarkan "Kempen Dasar Pengeluaran Dinamis" yang dianjurkan oleh RISDA bertempat di Kampung Perak, Air Hitam, Johor.

Pekebun-pekebun kecil tentulah akan bertanya apa perlunya lagi pihak RISDA menganjurkan kempen tersebut. Tidakkah memadai dengan kempen-kempen yang ada di mana para pekebun kecil digalakkan untuk menanam semula?

Sebenarnya kempen ini dilancarkan oleh RISDA ada berkaitan dengan masalah keperluan getah asli yang dikehendaki oleh dunia sekarang.

Oleh KADIR AHMAD

Keperluan dunia bagi getah asli dan tiruan diramalkan meningkat 5 peratus setahun dalam tahun-tahun lapan puluhan, iaitu 14 juta tan, 19 juta tan dan 24 juta tan bagi tahun 1980, 1985 dan 1990.

Getah asli mempunyai kemungkinan untuk mencapai tahap 42% pasaran getah dunia, berbanding 32% sekarang ini.

Krisis tenaga yang sedang dihadapi oleh dunia sekarang ini memberikan kesempatan yang baik kepada kedudukan getah asli di pasaran dunia, malahan memperkuatkan lagi kedudukannya yang telah sedia ada itu.

Dari segi bekalan pula, kadar perkembangan pengeluaran getah asli diramalkan meningkat 3.5% setahun, iaitu 4.1 peratus pada tahun 1980, 5 peratus pada tahun 1985 dan 6.0 peratus pada tahun 1990.

Jumlah bekalan getah asli yang diramalkan ini adalah amat kurang dan tidakpun mempertahankan kedudukan kadar pasaran sekarang sebanyak 32% lebih-lebih lagi untuk memenuhi kemungkinan pasarnya yang boleh meningkat kepada 42%.

Berdasarkan kepada permintaan yang nyata dan terjamin ini, maka getah asli mempunyai kemungkinan besar memperoleh harga yang stabil sesuai dengan kadar inflasi atau kenaikan harga bahan-bahan lain.

Penuhian rancangan atau skim menstabilkan harga getah antarabangsa sudah pasti akan mengukuhkan lagi pasaran getah asli luaran kita.

Dengan latar belakang ini maka strategi bagi Malaysia sebagai pengeluar getah asli adalah nyata dan kerana itu amatlah perlu dilancar-

kan satu skim di mana perlu dipergiatkan usaha-usaha meninggikan lagi pengeluaran getah asli supaya mendapat jaminan sewajarnya di dalam pasaran getah yang semakin meluas itu.

Inilah sebab-sebab utama yang mendorong RISDA melancarkan skema "Dasar Pengeluaran Dinamis".

Negara kita mempunyai harapan besar di dalam perusahaan getah asli. Perusahaan ini dilihat bukan hanya sebagai sumber bahan dagangan yang penting atau sebagai punca pendapatan negara semata-mata.

Yang lebih penting daripada itu ialah perusahaan ini melibatkan sektor luar bandar yang terbesar meliputi tidak kurang daripada setengah juta keluarga pekebun-pekebun kecil yang bergantung kepada getah.

Sektor ini memiliki kawasan getah berjumlah 2.6 juta ekar atau 67% daripada jumlah kawasan getah yang ada di negara ini.

Dalam tahun 78 pekebun kecil mengeluarkan 0.92 juta tan getah iaitu 53% daripada pengeluaran getah asli dunia (3.6 juta tan). Nilai eksportnya ialah \$3,600 juta iaitu 21% daripada jumlah pendapatan eksport negara.

Dengan ini ternyata bahawa pekebun-pekebun kecil merupakan sektor penting dan menjadi benteng kepada ekonomi negara dan maju mundurnya masyarakat pekebun kecil akan menentukan kemajuan negara pada keseluruhannya.

Memandangkan kepentingan pekebun-pekebun kecil ini dan perusahaan getah mere-

ka, maka amatlah mustahak memodenkan sektor ini dengan segera.

Dalam rangka inilah, menurut seorang jurucakap RISDA, maka pelaksanaan Dasar Pengeluaran Dinamis akan dapat memainkan peranan untuk mencapai matlamat itu, dengan meningkatkan pengeluaran dan seterusnya menambahkan pendapatan mereka dan negara amnya.

Usaha-usaha positif yang telah dijalankan selama ini ialah menumpukan perhatian kepada penanaman semula getah tua dengan pokok-pokok baka getah yang terpilih supaya menghasilkan perolehan yang tinggi.

Pada masa-masa yang lampau tumpuan utama hanya dibuat semasa penanaman semula dijalankan sahaja, iaitu dari tempoh-tempoh pokok yang tua ditebang sehinggalah pokok-pokok itu yang baru ditanam semula mengeluarkan hasilnya.

Sedangkan selepas tempoh itu terpolanglah kepada pekebun-pekebun kecil sendiri mencari jalan bagaimana untuk mengendalikan kebun-kebun mereka.

Oleh kerana itu soal penjagaan, pembajaan dan penorehan kebun tidak diuruskan dengan sempurna dan ini menyebabkan perolehan purata setiap ekar oleh pekebun kecil tidak seimbang dengan perolehan estet atau ladang-ladang.

Sebagai contoh perolehan purata seekar getah yang diusahakan oleh pekebun-pekebun kecil berbanding dengan pengeluaran getah oleh pihak estet ialah seperti berikut:

Tahun	Pekebun Kecil	% drp estet	Estet
1960	3.00 pikul	60	5.00 pikul
1978	7.35 pikul	71	10.35 pikul

Sebab utama pekebun kecil mendapat perolehan yang kurang ialah kerana pengurusan yang kurang cekap dan ini pula disebabkan kurang pengeluaran dan kurang modal.

Untuk menjalankan pemeliharaan yang sempurna perbelanjaannya mungkin tinggi bagi pekebun-pekebun kecil, misalnya belanja menanam kekadang penutup bumi yang sentiasa menjadi amalan tetap di estet

amat jarang diikuti oleh pekebun kecil.

Faedah besar menanam kekadang ini ialah untuk mengelak daripada berlakunya hakisan mencegah tumbuhan rampai, memelihara tanah supaya menjadi lebih subur dan dengan itu pokok akan cepat besar.

Pelaksanaan Dasar Pengeluaran Dinamis akan menitikberatkan dan menekankan kepada rancangan-rancangan bagi memastikan:



PENGERUSI RISDA, Datuk Haran Ariffin (kanan kedua) diringi oleh Pengerah RISDA Negeri Kedah, Encik Abdul Rahman Ismail telah membawa para wartawan dan agensi-agensi kerajaan yang lain ke projek tanam semula berkolompok di Kampung Cerok Sikim, Baling, Kedah.

teratur.

Mengamalkan kaedah menoreh yang betul dan sesuai serta berpanjangan. Oleh kerana sebilangan besar pekebun kecil menoreh terlalu kerap menyebabkan pokok-pokok getah kehabisan kulit dalam jangka separuh daripada masa yang sepatutnya,

iaitu 10-15 tahun. Ini tentulah sangat merugikan.

Menggalakkan penggunaan pengalakan masa muda pokok getah di ladang dari 7 tahun kepada 4.5 tahun.

Pekebun-pekebun kecil menjadi kebun secara lebih sempurna dengan mencegah tumbuh-tumbuhan yang tidak diingini.

Mengamalkan penggunaan baja secara

memproses di mana perlu.

Memperbaiki sistem pemasaran supaya pekebun kecil akan mendapat harga yang berpatutan.

Demikian sebab-sebab yang mendorong RISDA mengadakan program "Dasar Pengeluaran Dinamis".

Kempen ini akan dijalankan di seluruh negara sehingga tercapainya matlamat bagi penanaman semula lagi pengeluaran getah yang diusahakan oleh pekebun-pekebun kecil bagi memenuhi keperluan dan permintaan dunia yang sentiasa meningkat itu.

Tempat duduk pesawat baru kami.



Pesawat baru A300B4 Mas bentuk besar. Bermula 16 November.

Keselesaan berada di dalam pesawat A300B4 kami bukan semata-mata kerana tempat duduknya, tapi lebih dari itu. Seperti, ruang tambahan untuk tempat simpan barang di atas bagi mengurangkan kesulitan anda meletakkan barang-barang bimbitan. Setiap tempat duduk tidak jauh dari ruang jalan tengah. Dipadankan pula dengan hiasan dalam yang serba indah — sungguh manis dipandang mata. Dan Perkhidmatan Serba Gemilang kami menyerikan lagi penerbangan anda. Nikmatilah keistimewaan ini dengan pesawat A300B4 Mas, tidak lama lagi. Satu lagi pemberian istimewa Mas kepada para penumpang semua.

mas
Perkhidmatan Serba Gemilang
sistem penerbangan malaysia



Mulai 16hb. November perkhidmatan meliputi Kuala Lumpur, Pulau Pinang, Hong Kong, Madras, Jakarta dan Perth. Mulai 1hb. Januari perkhidmatan ditambah ke Kota Kinabalu, Taipei, Tokyo dan Seoul.



TIGA orang isteri pekebun kecil di Baling sambil berbasikal sedang membawa getah — getah yang telah siap diproses ke pusat pekebun-pekebun kecil untuk dijual.

Lesong dijangka dapat untung \$1 juta

LESONG Forest Products, sebuah syarikat Amanah Saham Pahang dijangka mendapat keuntungan satu juta ringgit mulai tahun depan.

Pengerah urusan syarikat itu Encik Ton Hall berkata oleh kerana kekurangan tenaga kerja di kilang syarikat itu dekat sini ia mengalami kerugian \$1.5 juta tahun ini.

Beliau memberitahu demikian ketika memberi taklimat kepada ahli-ahli Lembaga Kemajuan Pahang Tenggara (DARA) yang melawat ke kilang syarikat itu kelmarin. DARA memegang 10 peratus ekuiti dalam syarikat tersebut.

Antara yang menyertai rombongan itu ialah Pengerusi DARA Tan Sri Ibrahim Ali, Ketua Setiausaha Kementerian Kemajuan Tanah dan Wilayah Datuk Sri Radin Soenarno dan Pengurus Besar DARA Encik Nor-din Hasan.

Menurut Encik Ton Hall harapan adalah cerah bagi menambah pengeluaran kilang itu yang mengeluarkan kayu gergaji dan kayu bentuk sejak dua tahun lalu.

Pengurus perjawatan dan pentadbir Encik Mustapha Datuk Abu Bakar

memberitahu kekurangan pekerja di situ adalah kerana ramai penduduk tempatan lebih berminat bekerja di Singapura walaupun berbagai kemudahan diadakan.

Menurutnya di samping gaji harian minimum \$4.75 syarikat itu juga memberi cuti tahunan dan kemudahan perubatan serta pengangkutan yang jika dikira berjumlah kira-kira \$8 sehari.

Mengenai perumahan beliau berkata Lembaga Kemajuan Negeri Pahang merancang membina rumah-rumah murah untuk menampung perumahan bagi pekerja-pekerja dan orang ramai di sekitar kawasan syarikat itu.

Mengenai pengeluaran Encik Mustapha memberitahu kilang itu mengeluarkan kayu gergaji lebih 2,000 tan dan kayu bentuk 200 tan sebulan.

Katanya Kerajaan Pahang menguntukkan kawasan seluas 174,000 ekar di Lesong dalam kawasan Pahang Tenggara untuk diusahakan secara kawasan kekal termasuk menanam semula dan dibenarkan mengeluarkan 60,000 tan setahun kayu balak.